

DOKUMEN HIBAH SEBAGAI BUKTI PEMILIKAN HARTA BERDASARKAN ANALISIS KES MAHKAMAH SYARIAH

HIBAH DOCUMENTS AS EVIDENCE OF PROPERTY OWNERSHIP: AN ANALYSIS OF SYARIAH COURT CASES

Nurul Syuhadah binti Azalan¹
Ainun Mardhiah binti Salehudin¹
Nurul Athirah binti Mohd Azmi¹
Lydiawati binti Hassan Busry²
Musfirah binti Mohamed Mokhtar¹

¹Pensyarah, Jabatan Syariah, Kulliyah Syariah dan Undang-undang, Universiti Al-Quran Al-Sultan Abdullah Ahmad Shah Pahang (UnIQSAAS)

²Ketua Jabatan Perakauan dan Kewangan, Kulliyah Pengurusan Informatik, Universiti Al-Quran Al-Sultan Abdullah Ahmad Shah Pahang (UnIQSAAS)

Abstrak

Hibah merupakan instrumen perancangan harta Islam yang semakin diamalkan bagi memastikan pemindahan harta dapat dilaksanakan semasa hayat pemberi hibah. Namun, dalam amalan kehakiman di Malaysia, dokumen hibah yang disediakan sering dipertikaikan di Mahkamah Syariah apabila elemen rukun dan syarat hibah, khususnya sighth dan qabd, gagal dibuktikan dengan jelas. Keadaan ini menimbulkan ketidakpastian terhadap kedudukan dokumen hibah sebagai bukti pemilikan harta. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis peranan dan kedudukan dokumen hibah sebagai bukti pemilikan harta berdasarkan keputusan Mahkamah Syariah di Malaysia. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif melalui analisis dokumen dan kajian kes terhadap beberapa penghakiman Mahkamah Syariah yang melibatkan hibah mutlak, hibah bersyarat dan hibah harta bercagar. Hasil kajian mendapati bahawa Mahkamah Syariah tidak menerima dokumen hibah secara automatik sebagai bukti muktamad pemilikan harta, sebaliknya menilai kesahihannya berdasarkan pemuatannya rukun dan syarat hibah serta pembuktian elemen qabd. Kajian ini juga mendapati wujud ketidakseragaman dalam penghakiman kes hibah akibat ketiadaan undang-undang hibah yang khusus. Oleh itu, kajian ini mencadangkan pewujudan garis panduan pelaksanaan hibah dan penggubalan undang-undang hibah yang komprehensif bagi memperkukuh kepastian hukum dan amalan hibah di Malaysia.

Kata kunci: Dokumen hibah, Hibah harta, Qabd, Mahkamah Syariah

Abstract

Hibah is an Islamic estate planning instrument that is increasingly practised to

Perkembangan Artikel

Diterima: 27 Februari 2026

Disemak: 7 April 2026

Diterbit: 30 April 2026

*Corresponding Author:

Nurul Syuhadah binti Azalan,
Kulliyah Syariah dan Undang-undang,
Universiti Al-Quran Al-Sultan Abdullah Ahmad Shah Pahang
(UnIQSAAS)

Email:

nurulsyuhadah@uniqsaas.edu.my

¹ Pensyarah, Jabatan Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS).

² Pensyarah, Jabatan Perakauan dan Kewangan, Fakulti Pengurusan Informatik, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS).

ensure the transfer of property can be effected during the lifetime of the donor. However, in Malaysian judicial practice, hibah documents are frequently disputed before the Syariah Courts when the essential pillars and conditions of hibah, particularly sighthah (offer and acceptance) and qabd (delivery of possession), are not clearly proven. This situation creates uncertainty regarding the legal status of hibah documents as evidence of property ownership. Accordingly, this article aims to analyse the role and legal standing of hibah documents as proof of property ownership based on decisions of the Syariah Courts in Malaysia. This study adopts a qualitative methodology through document analysis and case studies of selected Syariah Court judgments involving absolute hibah, conditional hibah, and hibah of encumbered property. The findings reveal that the Syariah Courts do not automatically accept hibah documents as conclusive evidence of property ownership; rather, their validity is assessed based on compliance with the pillars and conditions of hibah, particularly the proof of qabd. The study also finds inconsistencies in judicial decisions on hibah cases due to the absence of specific hibah legislation. Therefore, this study proposes the establishment of comprehensive hibah implementation guidelines and the enactment of specific hibah legislation to strengthen legal certainty and hibah practices in Malaysia.

Keywords: Hibah documents, Hibah of property, Qabd, Syariah Court

PENDAHULUAN

Hibah merupakan salah satu instrumen perancangan harta dalam Islam yang berperanan penting bagi memastikan pengagihan harta dapat dilaksanakan semasa hayat pemberi hibah tanpa menunggu proses pembahagian pusaka. Amalan hibah bukan sahaja berlandaskan prinsip *tabarru'* dan ihsan, malah diiktiraf oleh Syariah sebagai mekanisme pemindahan pemilikan harta yang sah apabila memenuhi rukun dan syarat yang ditetapkan. Dalam konteks masyarakat Islam masa kini, hibah semakin mendapat perhatian sebagai alternatif kepada wasiat dan faraid, khususnya bagi mengelakkan berlakunya pertikaian waris dan pembekuan harta selepas kematian pemilik.

Seiring dengan perkembangan tersebut, penyediaan dokumen hibah secara bertulis telah menjadi amalan lazim dalam perancangan harta Islam. Dokumen hibah berfungsi sebagai rekod rasmi yang memperincikan kehendak pemberi hibah, butiran harta yang dihibahkan serta penerima hibah. Walau bagaimanapun, kedudukan dokumen hibah sebagai bukti pemilikan harta sering menjadi isu apabila timbul pertikaian di Mahkamah Syariah, terutamanya selepas kematian pemberi hibah. Persoalan utama yang sering dibangkitkan ialah sejauh mana dokumen hibah tersebut mampu membuktikan berlakunya pemindahan pemilikan harta secara sah menurut hukum Syariah.

Dalam praktik kehakiman, Mahkamah Syariah bukan sekadar menilai kewujudan dokumen hibah semata-mata, bahkan turut meneliti pematuhan elemen-elemen sah hibah seperti *sighthah*, *qabd*, kejelasan harta dan ketiadaan unsur paksaan. Keputusan mahkamah dalam kes-kes hibah menunjukkan bahawa dokumen hibah tidak semestinya diterima secara automatik sebagai bukti muktamad pemilikan, sebaliknya tertakluk kepada penilaian fakta dan prinsip hukum yang berkuat kuasa. Keadaan ini menimbulkan implikasi penting terhadap pihak-pihak yang bergantung kepada dokumen hibah sebagai asas tuntutan hak milik harta.

Berdasarkan latar belakang tersebut, artikel ini bertujuan untuk menganalisis peranan dan kedudukan dokumen hibah sebagai bukti pemilikan harta dalam kes-kes yang dibicarakan di Mahkamah Syariah. Analisis ini memfokuskan kepada pendekatan mahkamah dalam menilai kesahihan dokumen hibah serta faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaannya sebagai bukti. Diharapkan kajian ini dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih jelas mengenai kekuatan dokumen hibah

dalam konteks perundangan Syariah serta menjadi rujukan kepada pengamal undang-undang, institusi pentadbiran harta Islam dan masyarakat umum.

KAJIAN LEPAS

Kajian Mohamed Fouzi et.al (2020) mendapati bahawa dokumen yang digunakan dalam pembuktian hibah boleh dibahagikan kepada dua kategori utama, iaitu dokumen awam dan dokumen persendirian, yang kedua-duanya berperanan sebagai bukti dan *qarinah* bagi membuktikan kewujudan transaksi hibah antara pihak-pihak terlibat. Dokumen awam boleh diterima sebagai bukti di Mahkamah Syariah sama ada melalui dokumen asal atau salinan yang telah disahkan oleh pegawai awam yang berautoriti. Sebaliknya, penerimaan dokumen persendirian tertakluk kepada proses pembuktian yang lebih ketat bagi memastikan kesahihan dan ketulenannya semasa perbicaraan. Kajian tersebut turut menjelaskan bahawa dokumen persendirian perlu dikemukakan dalam bentuk asal dan disokong oleh kaedah pembuktian yang ditetapkan undang-undang, antaranya melalui pengakuan pembuat dokumen atau keterangan dua orang saksi yang menyaksikan penyempurnaan dokumen tersebut. Kaedah-kaedah lain seperti pengecaman tulisan dan tandatangan, keterangan pakar serta sumpah pembuat dokumen turut dibenarkan mengikut turutan keutamaan yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, kajian mendapati bahawa kaedah pengakuan dan keterangan dua orang saksi merupakan kaedah yang paling kerap digunakan dalam kes-kes pengesahan hibah di Mahkamah Syariah. Berdasarkan dapatan ini, kajian tersebut mencadangkan agar penyelidikan lanjutan dijalankan dengan skop yang lebih luas bagi mengenal pasti secara lebih terperinci kelompangan dan permasalahan berkaitan pembuktian dokumen hibah.

Hasil kajian Mohamed Fouzi (2024) mendapati bahawa dokumen persendirian terutamanya yang berkaitan dengan dokumentasi hibah telah diiktiraf secara sah sebagai kaedah pembuktian di Mahkamah Syariah Malaysia, namun penerimaannya tertakluk kepada dua syarat utama iaitu ketulenan dokumen itu sendiri dan kesahihan kandungannya mesti dibuktikan terlebih dahulu melalui kaedah-kaedah yang ditetapkan seperti pengakuan pembuat dokumen, keterangan saksi atau kepakaran forensik. Namun, kajian ini mendedahkan beberapa kelemahan termasuk ketiadaan undang-undang khusus hibah di kebanyakan negeri, ketidakseragaman peruntukan pembuktian dokumen elektronik antara Akta Keterangan Persekutuan dan enakmen negeri, serta amalan dokumentasi hibah yang pelbagai bentuk yang boleh menjejaskan keboleherimaannya di mahkamah. Oleh itu, kajian menekankan keperluan mendesak untuk penyeragaman undang-undang keterangan, pembentukan model dokumentasi hibah yang standard, penggubalan undang-undang amanah orang Islam, dan penyediaan garis panduan prosedur pembuktian yang jelas bagi memastikan konsistensi, ketelusan, dan keadilan dalam proses kehakiman syariah, sekaligus mengukuhkan peranan dokumen persendirian sebagai alat bukti yang kukuh dan boleh dipercayai dalam kes-kes muamalat, khususnya hibah.

Selain itu, berdasarkan kajian Amirul Adli dan Noor Lizza (2018) mendapati kewujudan saksi dalam dokumen hibah merupakan satu elemen yang mempunyai kepentingan yang mencapai tahap *hajiyyat*, khususnya apabila timbul pertikaian antara pihak-pihak yang terlibat dalam akad. Walaupun saksi tidak dianggap sebagai unsur teras dalam akad hibah dan tidak termasuk dalam rukun mahupun syaratnya. Ketiadaan saksi dalam pelaksanaan akad hibah berpotensi menimbulkan kesulitan dalam proses pensabitan atau penafian hak pihak-pihak berkepentingan. Hal ini kerana Hakim Syarie tidak boleh membuat penghakiman hanya berdasarkan dakwaan semata-mata. Oleh itu, pembuktian melalui dokumen atau keterangan saksi amat penting bagi mengukuhkan fakta kes serta membantu kelancaran proses penghakiman.

Jika melihat pada isu semasa mengenai hibah, hasil kajian daripada artikel Nurul Syuhadah dan Noor Lizza (2023) menunjukkan bahawa pelaksanaan hibah harta bercagar di Mahkamah Syariah Malaysia menghadapi isu berkaitan syarat pemilikan penuh harta oleh pemberi hibah. Walaupun pandangan fuqaha berbeza, mazhab Hanafi dan Maliki membenarkan hibah harta bercagar dengan keizinan pemegang gadaian, manakala mazhab Syafie dan Hanbali cenderung membatalkan hibah jika

harta masih bercagar. Keputusan hakim di Mahkamah Syariah umumnya selaras dengan pendapat Hanafi dan Maliki, iaitu hibah harta bercagar boleh dilaksanakan dengan syarat mendapat keizinan pihak ketiga (biasanya institusi perbankan). Namun, kajian turut mendapati terdapat beberapa kes, seperti *Mohd Pauzi Bin Ibrahim v Nor 'Aliah Binti Ibrahim* dan *Yati Suraya & Supiah Binti Abu*, di mana hibah harta bercagar dibenarkan tanpa keizinan bank dengan syarat harta tersebut dilindungi sepenuhnya oleh skim takaful seperti *Mortgage Reducing Term Takaful (MRTT)* yang menjadi jaminan kepada pihak bank sekiranya berlaku kemungkiran pembayaran. Kesimpulannya, penerimaan hibah harta bercagar di mahkamah bergantung kepada keizinan pemegang gadaian atau kewujudan perlindungan takaful yang menghapuskan risiko kepada pihak bank, sekaligus memberi panduan praktikal kepada masyarakat dan syarikat yang menawarkan produk hibah untuk memastikan dokumen hibah yang dibuat dapat diterima di Mahkamah Syariah.

Berdasarkan artikel Muhamad Mu'izz et.al (2025) hasil kajian menunjukkan bahawa Amanah Raya Berhad (ARB) telah melaksanakan transformasi signifikan dalam pelaksanaan produk Hibah Bercagar bagi memenuhi keperluan perancangan harta yang lebih sistematik dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Kajian mendapati bahawa pendekatan syariah terhadap Hibah Bercagar adalah kompleks, dengan perbezaan pandangan dalam kalangan mazhab. Namun, dalam konteks semasa, kajian menyokong pendekatan yang lebih fleksibel yang membenarkan Hibah Bercagar dilaksanakan sama ada dengan keizinan pihak bank ATAU dengan perlindungan takaful penuh seperti MRTT/MLTT, selaras dengan fatwa hibah negeri Selangor yang telah diwartakan. Kesimpulannya, transformasi produk Hibah Bercagar oleh ARB ke arah Hibahku yang menggunakan konsep *wakalah* dan pendokumenan yang lebih ringkas dilihat berpotensi memudahkan proses pengesahan hibah di mahkamah. Namun, kejayaan pelaksanaannya bergantung kepada harmonisasi pendekatan syariah, penguatkuasaan fatwa yang seragam, serta kerjasama erat antara ARB, mahkamah syariah, dan pihak berkuasa agama negeri. Kajian turut mencadangkan agar ARB memainkan peranan aktif dalam mencadangkan pewartaan fatwa hibah di peringkat kebangsaan dan negeri bagi menyelesaikan kekeliruan serta memastikan kelancaran pelaksanaan Hibah Bercagar di Malaysia.

Ketiadaan akta atau enakmen undang-undang hibah di Malaysia secara tidak langsung membawa kepada ketidakselarasan penggunaan dokumentasi hibah sedangkan aspek dokumentasi ini adalah satu perkara yang penting dan paling utama yang perlu ada untuk menunjukkan bukti hibah itu telah dilaksanakan antara pihak-pihak (Adilah & Mohd Zamro, 2018). Ini kerana, dokumen-dokumen tersebut mesti mematuhi rukun-rukun dan syarat-syarat sah hibah terutama dalam memastikan pihak-pihak yang dinyatakan dalam dokumen hibah adalah sememangnya pihak-pihak yang berakad, ijab dan qabul serta *qabd*. Menurut Rosmiza Ismail et.al, 2020 terdapat kes *Saharain bin Nordin v Noraidah binti Nordin* [2008] JH 26 (1), apabila hibah yang dilakukan itu tidak mempunyai dokumen bertulis, hakim telah membatalkan hibah tersebut.

Oleh itu, kajian Muhammad Fathullah (2016) mendapati penyelesaian kepada isu kelompangan dalam hibah adalah dengan mewujudkan undang-undang khusus tentang hibah. Sehingga kini, disebabkan ketiadaan peruntukan undang-undang tentang hibah, pertikaian mengenai hibah ini hendaklah merujuk kepada pandangan fuqaha di samping turut melihat kepada kepentingan sosial dan *maqasid syariah*.

Berdasarkan keputusan dalam kes *Harizah Binti Zainal Ehsan v Fatimah Binti Yusof dan Tiga Yang Lain* (10100-044-0202-2013) di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam. walaupun elemen *qabd* gagal dibuktikan, hakim syarie telah meluluskan akad hibah dalam kes ini. Hakim Syarie menganggap Dokumen Pengisytiharan yang ditandatangani oleh pemberi hibah dan penerima hibah sebagai ijab dan qabul dalam kes ini. Tetapi dia tidak membuktikan elemen *qabd* wujud.

Berbeza dengan keputusan Hakim Syarie dalam kes *Pengesahan Hibah Abdul Rahman Bin Haji Ahmad dan Dua Yang Lain* (14700-044-0117-2010), yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, apabila hakim tetap melihat kepada perbuatan ataupun tindakan lain yang menunjukkan *qabd* telah berlaku walaupun berdasarkan fakta menunjukkan pembuktian

menerusi Dokumen Pengisytiharan Hibah telah wujud. Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh pihak-pihak dalam kes ini, penerima hibah menduduki harta tersebut dan mereka telah bertanggungjawab untuk sebarang kos utiliti dan kerosakan, hakim syarie yang mendengar kes ini, memutuskan hibah itu sah kerana tindakan tersebut menunjukkan kepada *qabd* telah berlaku dan memenuhi rukun dan syarat hibah.

Oleh itu, satu kajian lanjut perlu dilaksanakan bagi memastikan elemen yang penting bagi memastikan dokumen hibah yang dibuat adalah lengkap dan tidak boleh dicabar oleh mana-mana pihak.

OBJEKTIF KAJIAN

Berikut adalah objektif kajian iaitu:

1. Mengkaji rukun dan syarat sesuatu akad hibah.
2. Menilai kedudukan dokumen hibah dalam penghakiman Mahkamah Syariah.
3. Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan dokumen hibah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui analisis dokumen perundangan dan kajian kepustakaan. Data utama diperoleh daripada kitab-kitab fiqh dan laporan kes-kes hibah di Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan, manakala data sokongan dikumpul daripada jurnal akademik. Analisis dijalankan secara tematik dan induktif bagi menilai peranannya sebagai bukti pemilikan harta, sekaligus mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan dokumen hibah dalam penghakiman Mahkamah Syariah. Melalui analisis dokumen, pengkaji dapat meneliti kandungan, membuat perbandingan pandangan, mengenal pasti tema-tema penting serta menilai bagaimana sesuatu dokumen hibah digunakan sebagai bukti pemilikan harta di mahkamah. Selain itu, kaedah ini dipilih kerana ia sesuai untuk mengkaji isu perundangan secara sistematik tanpa memerlukan penglibatan responden secara langsung, di samping menjimatkan masa dan kos penyelidikan.

RUKUN HIBAH

Hibah bermaksud pemberian harta secara sukarela tanpa balasan yang menyebabkan pemindahan hak milik semasa hidup kedua-dua belah pihak. Dengan erti kata lain, pemberian melalui akad hibah hendaklah berkuatkuasa ketika hidup pemberi hibah dan penerima hibah. Hibah tergolong dalam akad *tabarru'* yang disyariatkan dalam Islam (Ibn Rushd, 1995; al-Kasani, 1986; al-Nawawi, 1997).

Rukun hibah merujuk kepada unsur asas yang mesti wujud bagi membentuk akad hibah yang sah. Majoriti ulama fiqh menyenaraikan empat rukun utama hibah, iaitu pemberi hibah (*al-wahib*), penerima hibah (*al-mauhub lahu*), harta yang dihibahkan (*al-mauhub*), dan *sighah* (ijab dan qabul). Pemberi hibah (*al-wahib*) mestilah seorang yang mempunyai kelayakan penuh dari sudut syarak. Ini bermaksud pemberi hibah hendaklah seorang yang mukallaf, iaitu berakal, baligh dan mampu membuat keputusan secara rasional. Selain itu, pemberi hibah juga mestilah pemilik sah terhadap harta yang ingin dihibahkan. Hibah tidak sah sekiranya dibuat oleh seseorang yang tidak mempunyai hak milik sempurna, seperti harta yang masih dalam pertikaian atau tertakluk kepada sekatan undang-undang. Unsur kerelaan juga sangat penting. Oleh itu, hibah yang dilakukan di bawah paksaan atau tekanan adalah batal kerana bercanggah dengan prinsip keredaan dalam akad. Penerima hibah (*al-mauhub lahu*) pula mestilah seorang yang layak untuk menerima dan memiliki harta. Dalam fiqh Islam, penerima hibah boleh terdiri daripada orang dewasa, kanak-kanak, malah individu bukan Islam, selagi tidak terdapat larangan syarak. Bagi penerima yang belum cakap hukum seperti kanak-kanak, penerimaan hibah boleh dilakukan melalui wali atau penjaga yang sah. Harta yang dihibahkan (*al-mauhub*) mestilah memenuhi beberapa syarat penting. Antaranya, harta tersebut hendaklah wujud, dikenal pasti dengan

jelas dan mempunyai nilai di sisi syarak. Hibah terhadap harta yang tidak wujud atau tidak pasti, seperti hasil masa hadapan yang belum terjamin, adalah tidak sah kerana mengandungi unsur *gharar*. Selain itu, harta tersebut mestilah dimiliki sepenuhnya oleh pemberi hibah dan boleh dipindahkan hak miliknya. Hibah terhadap harta yang haram atau tidak boleh dimiliki secara syarak adalah terbatal walaupun akadnya dilakukan dengan lafaz yang jelas. Rukun terakhir hibah ialah *sighah*, iaitu ijab dan qabul yang menunjukkan persetujuan kedua-dua pihak. *Sighah* boleh dilakukan sama ada melalui lafaz secara lisan, tulisan atau perbuatan yang jelas menunjukkan niat pemberian dan penerimaan hibah.

Sighah dalam akad hibah merangkumi lafaz ijab dan qabul. Ijab dalam konteks hibah ditakrifkan sebagai lafaz yang diucapkan oleh pemberi hibah yang menunjukkan kehendaknya untuk menyerahkan harta kepada penerima. Manakala qabul pula merujuk kepada lafaz yang diucapkan oleh penerima hibah sebagai tanda penerimaan terhadap pemberian tersebut. Lafaz ijab dan qabul merupakan elemen yang amat penting dalam sesuatu akad kerana ia membuktikan wujudnya kerelaan daripada pemberi hibah untuk memindahkan hak milik hartanya, serta kesediaan dan persetujuan daripada penerima hibah untuk menerima pemberian tersebut. Tanpa *sighah* yang jelas, akad hibah tidak dianggap sempurna dari sudut hukum syarak.

Dalam pelaksanaan hibah, *sighah* boleh berlaku dalam bentuk lafaz *sarih* (nyata) atau lafaz *kinayah* (sindiran). Lafaz *sarih* ialah lafaz yang secara jelas dan langsung menunjukkan maksud pemberian, seperti ucapan pemberi hibah, “Aku hibahkan rumah ini kepada engkau,” yang kemudian dijawab oleh penerima hibah dengan lafaz, “Aku terima.” Sebaliknya, lafaz *kinayah* ialah lafaz yang tidak menyebut hibah secara langsung tetapi difahami berdasarkan konteks dan niat, seperti lafaz “Aku pakaikan engkau kain ini” yang membawa maksud pemberian hibah. Menurut al-Zuhayli (2011), kedua-dua bentuk lafaz ini diterima dalam akad hibah selagi niat pemberian dapat difahami dengan jelas.

Sighah juga merupakan salah satu daripada rukun utama hibah. Secara umumnya, jumhur fuqaha daripada mazhab Maliki, Syafie dan Hanbali bersepakat bahawa rukun hibah terdiri daripada empat unsur, iaitu pemberi hibah, penerima hibah, harta yang dihibahkan dan *sighah* yang merangkumi ijab dan qabul (al-Zuhayli, 1989; Ibn Rushd, 2012). Kesepakatan ini menunjukkan kepentingan *sighah* sebagai asas pembentukan akad hibah yang sah.

Namun begitu, terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan fuqaha mazhab Hanafi berkaitan kedudukan ijab dan qabul sebagai rukun hibah. Menurut satu pandangan dalam mazhab Hanafi, ijab dan qabul kedua-duanya dianggap sebagai rukun hibah (al-Jaziri, 2003). Manakala pandangan yang lain dalam mazhab yang sama menyatakan bahawa hanya ijab merupakan rukun hibah, manakala qabul tidak dikategorikan sebagai rukun, sebaliknya dianggap sebagai pelengkap kepada akad hibah (al-Jaziri, 2003). Perbezaan pandangan ini mencerminkan kepelbagaian pendekatan fiqh dalam memahami pembentukan akad hibah, namun kesemuanya tetap menekankan kepentingan *sighah* dalam memastikan kerelaan dan keabsahan akad tersebut.

KEDUDUKAN *QABD* DALAM AKAD HIBAH

Qabd berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud mengambil, memberi, menggenggam, memegang, menguasai dan yang serupa dengannya. Daripada segi istilah, *qabd* menyatakan bahawa penerima hibah mempunyai kawalan ke atas harta yang dihibahkan seperti keadaan melaksanakan pengendalian atau memindahkan harta itu kepada pemilikan penerima hibah, sama ada harta alih atau tak alih (al-Jank, 2004). Dengan kata lain, tindakan yang diambil oleh penerima hibah apabila mereka mempunyai kawalan ke atas barang yang dihibahkan. Harta yang ingin dihibahkan biasanya dikategorikan kepada dua kategori iaitu harta tak alih dan harta alih. Harta tak alih ialah harta yang tidak boleh bergerak atau tidak boleh dialihkan. Jika harta tersebut dialihkan maka boleh merosakkan zat harta berkenaan contohnya tanah, rumah, bangunan dan kebun. Harta alih pula ialah harta yang boleh dialihkan atau boleh digerakkan contohnya ialah barang kemas, kenderaan, wang, perabot dan sebagainya.

Melihat kepada kedudukan *qabd* dalam akad hibah, berikut adalah pendapat fuqaha bagi melihat hukumnya dalam akad hibah. Berdasarkan kepada mazhab Hanafi dan Syafie *qabd* adalah syarat sah untuk hibah (al-Zuhayli, 1989; Ibn Rushd, 2012; al-Rafi'i, 1997; al-Khatib, 2003; Noor Lizza, 2014). Jika *qabd* tidak dilaksanakan, pemilikan barang yang dihibahkan tidak akan sempurna. Pemberi hibah tidak terikat jika *qabd* tidak dilakukan. al-Thawri juga turut berpendapat sedemikian (Ibn Rushd, 2012; Ibn Qudamah, t.th). Selagi harta itu masih dalam milikannya, pemberi hibah boleh menggunakan harta yang ingin dihibahkan. Walau bagaimanapun, apabila *qabd* dilaksanakan, perjanjian itu menjadi sah dan hak sepenuhnya kepada penerima hibah. Pemberi hibah tidak mempunyai hak langsung ke atas harta tersebut (al-Zuhayli 2011).

Mazhab Maliki menyatakan bahawa *qabd* tidak memerlukan hibah. *Qabd* termasuk dalam syarat sempurnanya hibah namun bukan syarat sahnya hibah (al-Baghdadi, t.th.; Ibn Rushd, 2012; Noor Lizza, 2014). Oleh itu, akad hibah itu dianggap sah jika ijab dan qabul telah berlaku. Pendapat ini berdasarkan qiyas kepada jual beli, menurut Imam Malik (Ibn Rushd, 2012). Selain itu, hibah dianggap batal jika penerima hibah menunda untuk melakukan *qabd* terhadap harta yang diberikan sehingga mereka sakit (Ibn Rushd, 2012). Umar RA menyatakan bahawa para sahabat Rasulullah SAW yang bersetuju dengan akad hibah yang diperlukan untuk *qabd* telah membawa kepada jalan yang buruk yang dikenali sebagai *sad al-dhara'i* (Ibn Rushd, 2012).

Untuk memastikan akad hibah yang dilaksanakan itu sah, fuqaha telah meletakkan syarat untuk *qabd*. Penerima hibah mesti berakal dan baligh. Kerana *qabd* diletakkan di bawah tanggungjawab penerima, mazhab Hanafi menganggap bahawa orang yang menerima hibah mesti berakal. Oleh itu, *qabd* yang dilakukan oleh orang gila atau kanak-kanak yang belum mumayyiz adalah tidak sah, manakala baligh bukan syarat sah untuk *qabd*. *Qabd* adalah sah jika dilakukan oleh kanak-kanak yang sudah mumayyiz. Sebagai tambahan menurut mazhab selain mazhab Hanafi, penerima hibah mesti berakal dan baligh. *Qabd* tidak sah jika dilakukan oleh kanak-kanak atau orang gila. Oleh itu, wali akan bertindak sebagai wakil bagi golongan tersebut, untuk melaksanakan *qabd* (al-Zuhayli, 1989; al-Zuhayli, 2011). Selain itu, apabila harta dihibahkan, harta tersebut mestilah yang mempunyai keupayaan untuk menguasainya, jadi ia tidak dicampur dengan harta lain. Tujuan pemberian tidak tercapai jika barang itu digabungkan dengan harta yang tidak diingini. Dalam pada itu, syarat *qabd* dalam akad hibah juga mestilah perlu untuk mendapatkan kebenaran daripada pemberi hibah sebelum melakukan *qabd* berdasarkan pandangan jumhur fuqaha (al-Rafi'i, 1997; al-Jaziri, 2003; al-Nawawi, 2011).

DOKUMEN HIBAH SEBAGAI BUKTI DI MAHKAMAH SYARIAH

Fuqaha telah membahagikan hibah kepada dua jenis iaitu hibah mutlak dan hibah bersyarat. Jika dilihat kes hibah mutlak adalah lebih mudah kerana penerima hibah tidak diikat sebarang syarat. Contoh dalam kes *Badarudin bin Bidin @ Zainal Abidin lwn Mohd Zulhida bin Badarudin* (2411-H0106-331-0491), pihak plaintif adalah sebagai pemberi hibah telah menghibahkan dua lot tanah di daerah Rompin kepada defendan sebagai penerima hibah. Dalam kes ini tidak mempunyai sebarang isu yang berbangkit kerana pihak pemberi hibah masih hidup ketika pengesahan hibah dibuat di Mahkamah Syariah. Tambahan pula, kes hibah ini melibatkan akad hibah mutlak. Berdasarkan Surat Ikatan Hibah dalam kes ini menyatakan kenyataan ijab daripada pemberi hibah dan qabul daripada penerima hibah dengan disertai tandatangan pihak-pihak yang berakad. Kes ini disaksikan oleh dua orang yang terdiri daripada seorang saksi lelaki dan seorang saksi perempuan. Dalam dokumen ini juga dilampirkan salinan geran tanah bagi kedua-dua lot yang dihibahkan dan salinan kad pengenalan pemberi hibah dan penerima hibah. Mengenai elemen *qabd* pula, tidak dibuktikan dalam dokumen hibah sebaliknya hanya dinyatakan dalam pernyataan tuntutan bahawa pihak defendan telah mengurus dan menjelaskan segala pembayaran cukai tanah terhadap harta hibah tersebut.

Dalam contoh kes melibatkan hibah dengan syarat *ruqba* pula iaitu dalam kes *Abdul Aziz bin Daud lwn Norziah binti Abdul Aziz* (2410-H0106-331-0426). Pihak pemberi hibah telah membuat

Dokumen Pengisytiharan Hibah dengan menyatakan nama, alamat bermastautin dan nombor kad pengenalan pihak pemberi hibah. Dalam dokumen ini juga menjelaskan bahawa ketika akad hibah dibuat pemberi hibah dalam keadaan mukalaf, sihat tubuh badan, waras akal fikiran dengan tanpa sebarang paksaan serta pemilik harta semasa membuat pengisytiharan hibah. Begitu juga syarat penerima hibah diakui dengan jelas bahawa beliau dalam keadaan waras akal fikiran, tanpa sebarang paksaan menerima harta hibah tersebut. Perbezaan hibah mutlak dan hibah bersyarat dilihat menerusi *sighah* yang dinyatakan dalam dokumen hibah apabila pihak pemberi hibah menyatakan, “saya menghibah harta tersebut kepada penerima hibah, namun saya dibenarkan menikmati manfaat fizikal dan ekonomi daripada harta tersebut selagi ada hayat saya”.

Berdasarkan kenyataan yang dibuat oleh pemberi hibah, jelas menunjukkan bahawa selagi pemberi hibah masih hidup, beliau akan menggunakan harta tersebut. Di samping itu, jika terdapat hasil sewaan contohnya, maka pemberi hibah akan merasai harta berkenaan dari sudut ekonomi. Dalam akad ini juga, penerima hibah bersetuju dengan syarat tersebut dan beliau mengetahui bahawa penerima hibah akan dapat harta berkenaan selepas kematian pemberi hibah. Ini adalah selari dengan maksud *ruqba* yang merujuk kepada pemberian harta daripada seseorang kepada orang lain dengan syarat bahawa apabila salah seorang daripada mereka meninggal dunia, harta tersebut akan kembali menjadi milik pihak yang masih hidup (Ibn Manzur, 2003). Hibah yang disertakan dengan syarat *ruqba* juga berkaitan dengan faktor tempoh masa. Perbezaan antara hibah *ruqba* dan *‘umra* ialah *ruqba* bergantung kepada kematian salah satu pihak, di mana pihak yang masih hidup berhak memiliki harta hibah tersebut. Jika dilihat dari sudut dokumen hibah ini, pihak-pihak melampirkan salinan kad pengenalan dan geran tanah serta dokumen hibah dengan syarat *ruqba* ini disaksikan oleh dua orang saksi yang terdiri daripada seorang lelaki dan seorang perempuan. Oleh itu, dapat dilihat di sini bahawa dari sudut lampiran dalam dokumen ini adalah sama dengan hibah mutlak. Manakala, elemen *qabd* tidak dijelaskan dalam pernyataan tuntutan mahupun dalam perintah hibah yang dikeluarkan oleh mahkamah syariah, namun dapat penulis nyatakan di sini, elemen *qabd* dapat dibuktikan dengan keizinan yang diberikan oleh penerima hibah membenarkan pemberi hibah menggunakan harta hibah itu dalam keadaan pemberi hibah masih hidup.

Penemuan baru telah diperolehi berkait dengan hibah harta bercagar melibatkan *Mohamad Khairi bin Kamaruddin v Siti Rosnida binti Mohamad Mahtar* (2409-H0106-331-0383), pihak plaintif telah membuat hibah melalui Amanah Raya Berhad kepada defendan yang merupakan isterinya. Tersusunnya dokumen ini apabila turut melampirkan kebenaran deklarasi hibah daripada AmBank untuk membenarkan pemilik harta membuat hibah ke atas harta yang masih dalam gadaian pihak bank itu. Dokumen ini juga lengkap dengan tandatangan daripada pemberi hibah, penerima hibah dan dua orang saksi. Pihak-pihak yang berakad telah melantik dua orang saksi lelaki menunjukkan pembuktian hibah telah berlaku antara kedua-dua pihak yang berakad. Ditambah pula dengan lafaz ijab dan qabul daripada pemberi hibah dan penerima hibah di samping menjelaskan harta yang dihibahkan dalam dokumen tersebut dengan disekalikan geran tanah iaitu dokumen pemilikan dan salinan kad pengenalan pemberi hibah dan penerima hibah. Berdasarkan kesempurnaan dokumen ini, hakim bicara telah mengesahkan dan meluluskan hibah tersebut.

PERBINCANGAN

Bagi memastikan hibah yang dibuat itu adalah sah menurut hukum syarak, maka rukun dan syarat hibah hendaklah wujud ketika akad hibah dibuat. Inilah menjadi perkara penting dilihat oleh hakim syarie dalam menentukan sesuatu hibah itu sah atau tidak. Berdasarkan kepada rukun-rukun hibah ialah pemberi hibah, penerima hibah, harta yang dihibahkan dan *sighah* iaitu ijab dan qabul, manakalah syarat sah hibah ialah wujudnya *qabd*.

Walau bagaimanapun, terdapat kes yang diluluskan oleh hakim syarie dalam keadaan ketiadaan *qabd* seperti kes *Suhaimi Bin Shaari v Mohd Sharif Bin Yahya dan Tiga Yang Lain* (06200-044-0146-2012). Dokumen Pengisytiharan Hibah yang dibuat oleh pihak-pihak menunjukkan secara jelas bahawa

si mati telah menyerahkan harta tersebut kepada anak angkatnya (Nurul Syuhadah, 2018). Pada era masa kini, pembuktian melalui dokumen diperlukan bagi mengukuhkan lagi keterangan pihak-pihak di mahkamah yang sememangnya akad hibah itu telah berlaku. Tambahan pula, jika pemberi hibah telah meninggal dunia, dengan dokumen yang telah dibuat maka tidak dapat disangkal lagi menunjukkan hibah adalah sah.

Dalam kes yang lain iaitu kes *Harizah Binti Zainal Ehsan v Fatimah Binti Yusof dan Tiga Yang Lain* (10100-044-0202-2013), walaupun kewujudan dokumen hibah yang dibuat oleh pihak-pihak namun hakim mengatakan bahawa rukun hibah sahaja yang wujud manakala elemen *qabd* gagal dibuktikan. Ini menunjukkan dokumen sahaja tanpa elemen-elemen yang penting juga boleh membuatkan pihak-pihak mencabar akad hibah yang dibuat. Disebabkan itulah bagi memastikan harta dapat dipelihara sebaiknya melalui akad hibah, terdapat elemen-elemen yang penting perlu dimasukkan dalam dokumen hibah itu. Bukan sahaja cukup dengan tandatangan pihak-pihak yang berakad tetapi tandatangan saksi juga diperlukan. Selain itu, kewujudan elemen *qabd* juga perlu dilampirkan dalam dokumen hibah supaya kecukupan elemen dibuktikan wujud dan tidak diragukan lagi.

Jika dilihat dalam kes *Mohamad Khairi bin Kamaruddin v Siti Rosnida binti Mohamad Mahtar* (2409-H0106-331-0383) hakim mengesahkan hibah harta bercagar apabila segala dokumen yang dikehendaki itu mencukupi termasuklah kebenaran oleh pihak insurans yang membenarkan pihak pemberi hibah membuat hibah kepada penerima hibah. Sedangkan pernah satu kes pada tahun 2008 iaitu kes *Raihanah Binti Mohd Ali lwn Kamaruddin bin Mohd Nor & Lain-Lain* [2008] 2 JH 253, mahkamah menolak tuntutan plaintif untuk mendapatkan pengesahan hibah yang didakwa telah dibuat oleh adiknya (si mati) kerana kegagalan mengemukakan bukti bahawa si mati telah memperoleh keizinan daripada pihak pembiaya di bawah skim BBA (*bay' bi thaman ajil*). Keputusan ini menunjukkan bahawa mahkamah mengiktiraf keabsahan hibah ke atas harta yang diperoleh melalui skim pembiayaan seperti BBA, namun tertakluk kepada syarat persetujuan awal daripada pihak penyedia pembiayaan atau pinjaman berkenaan (Rositah Kambol, 2019).

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, analisis terhadap keputusan-keputusan Mahkamah Syariah menunjukkan bahawa dokumen hibah memainkan peranan yang penting sebagai alat pembuktian dalam menentukan kesahihan pemindahan pemilikan harta melalui akad hibah. Walau bagaimanapun, kewujudan dokumen hibah semata-mata tidak menjamin pengesahan hibah oleh mahkamah sekiranya rukun dan syarat sah hibah, khususnya *sighah* dan elemen *qabd*, gagal dibuktikan berdasarkan fakta dan keterangan yang kukuh. Pendekatan kehakiman yang ditunjukkan dalam kes-kes terdahulu memperlihatkan bahawa Mahkamah Syariah bukan sahaja menilai bentuk dan kandungan dokumen hibah, malah turut meneliti pelaksanaan sebenar akad hibah serta perlakuan pihak-pihak yang berakad sebelum dan selepas hibah dibuat.

Dapatan kajian juga menunjukkan wujudnya ketidakseragaman dalam penghakiman kes-kes hibah, terutamanya melibatkan hibah harta bercagar dan pembuktian elemen *qabd*. Sebahagian keputusan hakim menerima dokumen hibah sebagai bukti *sighah* tanpa pembuktian *qabd* yang jelas, manakala sebahagian yang lain menuntut pembuktian perbuatan atau kawalan sebenar ke atas harta bagi memenuhi keperluan *qabd*. Perbezaan ini dipengaruhi oleh ketiadaan undang-undang khusus hibah, perbezaan pandangan fuqaha serta pertimbangan *maqasid syariah* dan realiti semasa masyarakat.

Justeru, penyelidikan lanjut amat diperlukan bagi memastikan dokumen hibah yang disediakan oleh pihak-pihak berkepentingan menepati piawai syarak dari sudut rukun, syarat serta pembuktiannya, sekali gus dapat memudahkan masyarakat melaksanakan hibah dengan lebih teratur dan diyakini tanpa menimbulkan pertikaian pada masa hadapan. Selain itu, satu garis panduan pelaksanaan hibah yang komprehensif dan seragam wajar diwujudkan oleh institusi-institusi Islam di Malaysia sebagai rujukan rasmi dalam penyediaan dan pengesahan hibah. Pada masa yang sama, pembentukan undang-undang hibah yang khusus dan berautoriti perlu dipertimbangkan bagi

memperkokuh kedudukan hibah dalam sistem perundangan Syariah, menjamin kepastian hukum, serta memastikan keadilan dan perlindungan hak pihak-pihak yang terlibat.

KONFLIK KEPENTINGAN

Para penulis menjelaskan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan.

PENYATAAN SUMBANGAN PENULIS

Nurul Syuhadah binti Azalan (Metodologi dan Pemilihan data)

Ainun Mardhiah binti Salehudin (Analisis data dan penulisan akhir)

Nurul Athirah binti Mohd Azmi (Analisis format dan penulisan draf asal)

Lydiawati binti Hassan Busry (Pengumpulan data dan penulisan awal)

Musfirah binti Mohamed Mokhtar (Metodologi dan idea penulisan).

KESEDIAAN DATA DAN BAHAN

Data yang menyokong penemuan kajian ini boleh diperoleh atas permintaan daripada penulis koresponden.

PENYATAAN ETIKA

Tidak berkenaan.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan kewangan yang diberikan oleh Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS) melalui Skim Geran Penyelidikan Universiti (No. Geran: RUG-UnIPSAS-2024-08) yang telah meluluskan kajian ini dilaksanakan.

RUJUKAN

- Adilah Mohd Sa'afie, & Mohd Zamro Muda. (2018). Guideline in Preparing Hibah Document at The Shariah High Court. *Journal of Contemporary ISLAMIC LAW*, 1(1).
<https://doi.org/10.26475/jcil.2018.3.1.01>
- al-Baghdadi, al-Qadi Abd al-Wahab. t.th. *al-Ma'unah ala Madhhab Alim al-Madinah*. Jil. 1. Mekah: Maktabah al-Tijariyah.
- al-Jank, Ala'u al-Din Bin Abd al-Razaq. 2004. *al-Taqabud fi al-Fiqh al-Islami*. Cet. 1. Jordan: Dar al-Nafa'is.
- al-Jaziri, Abd Rahman. 2003. *al-Fiqh ala al-Madhahib al-Arba'ah*. Cet. 2. Jil. 3. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Al-Kasani, 'Ala' al-Din. (1986). *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Shara'i'* (Jil. 6). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Khatib, Shams al-Din Muhammad Bin Muhammad al-Khatib. 2003. *al-Iqna' fi Hal Alfaz Abi Shuja'*. Jil. 2. Mesir: al-Maktabah al-Tawfiqiyah.
- Amirul Adli dan Noor Lizza Mohamed Said. (2018). Keperluan Saksi Dalam Permohonan Pengesahan Kes Hibah Di Mahkamah Syariah. *Journal of Contemporary Islamic Law*, Vol. 3(2): 20-27.
- Al-Nawawi, Yahya bin Sharaf. (1997). *al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab* (Jil. 15). Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Rafi'i, Abi al-Qasim Abd al-Karim Bin Muhammad Bin Abd al-Karim. 1997. *al-Aziz bi Sharh al-Wajiz al-Ma'ruf bi al-Sharh al-Kabir*. Cet. 1. Jil. 6. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- al-Zuhayli, Muhammad. 1432H/2011. *al-Mu'tamad fi Fiqh Imam al-Shafi'i*. Cet. 3. Juz. 3. Damshiq: Dar al-Qalam.
- al-Zuhayli, Wahbah. 1409H/1989. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Cet.3. Juz 5. hlm. 7. Damshiq: Dar

al-Fikr.

- Azalan, N. S., & Mohamed Said, N. L. (2023). *Implementation Of Collateral Hibah Based On Hibah Cases In Shariah Court*. *Al-Sirat: Journal of Islamic Studies and Social Sciences*, 4(2), 1–15.
- Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad bin Mukarram. 2003. *Lisan al- Arab*, Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ibn Qudamah, Abdullah Bin Ahmad. t.th. *al-Mughni*. Jil. 5. Beirut: Alim al-Kutub.
- Ibn Rushd. (1995). *Bidayat al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid* (Jil. 2). Beirut: Dar al-Fikr.
- Jurnal Hukum. 2008. Putrajaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. 26(1).
- Mohamed Fouzi Bin Mokhtar. (2024). *Konsep Dan Pemakaian Dokumen Persendirian Dalam Kes-Kes Hibah Di Mahkamah Syariah Di Malaysia* [THESIS *Konsep Dan Pemakaian Dokumen Persendirian Dalam Kes-Kes Hibah Di Mahkamah Syariah Di Malaysia*].
- Mokhtar, M. F., Wan Abdul Fattah, W. A. F., & Ahmad Syukran, A. (2020). Documents as Evidence in Hibah Validation Cases in Malaysian Shariah Courts *Journal of Contemporary Islamic Law*, 5(2), 1–14.
- Mu'izz Abdullah, M., Othman, A. H., & Mohamad, M. F. (2025). Transformation of collateral hibah in Amanah Raya Berhad: Analysis from the Shariah perspective and its implementation in Malaysia. *IIUM Law Journal*, 33(1), 115–138.
- Muhammad Fathullah, M. (2016). Keperluan penggubalan undang-undang hibah di Malaysia: Analisis dari perspektif maqasid syariah. *Jurnal Syariah dan Undang-Undang*, 8(2), 101–126.
- Noor Lizza Mohamed Said. (2014). *Analisis Fiqah terhadap Undang-undang Hibah dan Wasiat di Negara-negara Islam*. [THESIS *Analisis Fiqah terhadap Undang-undang Hibah dan Wasiat di Negara-negara Islam*].
- Nurul Syuhadah Azalan. (2018). *Penghakiman Hakim Syarie dalam kes hibah di Mahkamah Syariah* [THESIS *Penghakiman Hakim Syarie dalam kes hibah di Mahkamah Syariah*].
- Kambol, R. (2019). Pengurusan harta orang Islam melalui hibah: Isu dan penyelesaian. *Journal of Law and Governance*, 2(1), 99-113.